

## Ragam Bahasa Media Sosial dalam Isu yang Sohor Kini\*

Amirah Ahmad<sup>1\*</sup>, Noriza Daud<sup>1</sup>, Norizah Ardi<sup>1</sup> dan Nurrissammimayantie Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.

### ABSTRAK

Ledakan teknologi maklumat khususnya media sosial, menjadi platform kepada masyarakat untuk berkomunikasi tanpa sempadan. Salah satu daripada impak sosial Revolusi Industri 4.0 (4IR) ialah ketagihan siber dalam kalangan pengguna media sosial. Tidak dapat dinafikan media sosial direka agar 'ditagih'. Paparan angka pada pemberitahuan (notification) juga merupakan salah satu helah media sosial yang mengumpukan pengguna media sosial ini agar menyentuh paparan berkenaan bagi mengetahui maklumat yang tertera. Justeru, pengguna media sosial ini akan menghabiskan masa berjam-jam dalam sehari untuk mengikuti paparan maklumat dari satu isu ke isu yang berikutnya. Mereka bukan sekadar melihat paparan yang dikongsikan, malah turut sama memberikan komen terhadap isu yang dikemukakan. Isu yang sering menjadi perhatian warga maya akan menjadikan suatu isu sohor kini (trending). Pengaplikasian variasi bahasa seperti penggunaan bahasa tempelak, sindiran, ejekan, dan herdikan yang mengandungi ungkapan bahasa yang kasar jelas ketara dalam ruangan komen isu yang sohor kini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan meneliti ragam bahasa dalam komen ruangan tersebut berdasarkan pendekatan Za'ba (2002). Kajian ini bersifat deskriptif dengan menerapkan kaedah analisis kandungan berdasarkan penelitian terhadap perkataan, ungkapan dan ayat yang digunakan oleh pengguna media sosial semasa memberi komen dalam isu yang sohor kini. Dapatan kajian menunjukkan komen-komen oleh pengguna media sosial ini menggunakan kepelbagaian ragam bahasa yang bertujuan untuk memperkukuhkan maksud mesej yang disampaikan, di samping menambahkan kefahaman pembaca pada sesuatu perkara yang dinyatakan. Namun, kecenderungan menggunakan bahasa yang bersifat kasar, keras, sinis, sindiran, dan herdik menjadi pilihan. Secara tidak langsung, penggunaan variasi bahasa ini menunjukkan niat seseorang apabila berkata-kata secara lisan mahupun dalam bentuk tulisan.

**Kata Kunci:** Ragam Bahasa, Ketidaksantunan Bahasa, Media Sosial, Instagram, Revolusi Industri 4.0.

### ABSTRACT

The rapid development of information technology especially in social media becomes a platform for society to communicate borderless. The social impact of Industrial Revolution 4.0 is cyber addiction among netizens as if social media is designed to be 'addict'. The push notifications functions of social media are one of the tricks to attract the netizens to make a move to read the information displayed. Thus, they will spend hours to follow the trending topics in social media; they even comment on the topics has been discussed. The issue that attracts the netizens to give a comment will be trending. In relation to that, there are various of language variation are used such as reproach, sarcasm, derision, and admonition in the comment column. This study was conducted to identify and analyze language variation in the comment column based on Za'ba approach (2002). This descriptive study adapts content analysis method to identify word, expression, and sentences used by netizens in giving a comment of trending topics. This study found various of language variations have been used in the comment column to strengthen the message delivered and comprehend the reader about topics stated. However, netizens tending to use abusive, profane, cynical, sarcasm and admonition language in their comment. Besides

---

\*Koresponden: amirah1275@uitm.edu.my

*that, language variation usage shows netizens real intention whether in oral or written form.*

**Keywords:** Language Variation, Impoliteness, Social Media, Instagram, Industrial Revolution 4.0.

## PENGENALAN

Teknologi maklumat yang berkembang pesat menunjukkan pertumbuhan alat berkomunikasi yang canggih dan serba moden. Semasa berlangsungnya proses komunikasi, beberapa aspek perlu diberi perhatian, iaitu: (i) ciri-ciri peserta; (ii) hubungan antara pemeran; (iii) perilaku sopan atau tidak sopan; (iv) saluran menyampaikan simbol antara satu sama lain; (v) konteks sosial dan fizikal; dan (vi) tujuan komunikasi. Justeru, aspek yang penting dalam proses ini termasuk juga penggunaan bahasa yang santun atau sebaliknya. Bahasa yang santun sangat penting untuk mewujudkan situasi yang harmoni. Sebaliknya, penggunaan bahasa yang tidak santun boleh mencetuskan konflik dan polemik yang membawa pada kesalahfahaman komunikasi. Gelombang media baharu, khususnya media sosial seperti Instagram mencetuskan kecelaruan bahasa apabila warga maya menggunakan bahasa secara sewenang-wenangnya. Komunikasi secara interpersonal dalam media sosial Instagram boleh mendatangkan impak yang negatif sekiranya penggunaan bahasa tidak dikawal.

Kebebasan dalam menyuarakan pendapat dan pandangan peribadi memperlihatkan keghairahan pengguna media sosial dalam menyalahgunakan platform media sosial ini sehingga mempengaruhi nilai bahasa yang digunakan. Kepelbagaian ragam bahasa diaplikasikan tanpa mereka sedar. Golongan ini sebenarnya memanipulasi bahasa, iaitu menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi perlakuan dan pemikiran pihak lain. Namun, mereka tidak sedar akan penggunaan bahasa yang tidak sopan, kasar, dan kesat mampu mewujudkan pelbagai konflik seperti kemarahan, salah faham, ketidakpuasan hati dan menyinggung perasaan pihak lain. Berdasarkan media sosial Instagram yang rata-rata menjadi pilihan dan diakses oleh majoriti generasi muda Malaysia, ketidaksantunan berbahasa telah menjadi suatu kebiasaan dan kelaziman, diikuti-ikuti serta menular di kalangan generasi tersebut. Rentetan itu, kesantunan berbahasa tidak lagi digunakan sepenuhnya oleh masyarakat, malah gejala ketidaksantunan berbahasa pula semakin jelas digunakan (Zaitul Azma *et al.*, 2014). Fenomena ini tidak sepatutnya terjadi kerana masyarakat timur lebih-lebih lagi masyarakat Melayu Islam di Malaysia dididik dengan nilai kesantunan yang tinggi.

Penggunaan kepelbagaian ragam bahasa tersebut dapat dilihat menerusi isu-isu yang sering mejadi ikutan pengguna media sosial. Sesuatu isu yang hangat diperkatakan sering menjadi sohor apabila mampu menarik perhatian warga maya khususnya pengguna media sosial. Keterbukaan platform yang disediakan dalam melontarkan pandangan dan pendapat tanpa sempadan serta kerahsiaan identiti menjadi antara faktor penarik utama isu yang sohor menjadi perbincangan dan perbualan hangat dalam kalangan pengguna media sosial.

## RAGAM BAHASA MEDIA SOSIAL

Media sosial merupakan antara alat komunikasi yang penting pada hari ini dan dimanfaatkan oleh semua penduduk dunia dalam memudahkan urusan harian. Hal ini kerana, media sosial menyediakan cara berkomunikasi yang baharu dengan sistem yang lebih cepat, mudah dan murah. Simon Kemp (2018) menyatakan lebih separuh daripada penduduk dunia kini berada dalam talian dan satu perempat daripada satu bilion pengguna baharu muncul dalam talian buat kali pertama pada tahun 2017. Tambahan pula, catatan turut menunjukkan pengguna media sosial adalah melebihi daripada 3 bilion, dan 9/10 pengguna media sosial mengakses aplikasi

pilihan mereka melalui peranti mudah alih, iaitu telefon pintar. Berdasarkan fakta tersebut, angka yang dinyatakan merupakan satu angka yang besar dan memperlihatkan kepentingan media baharu. Hal ini jelas menggambarkan bahawa, perubahan media baharu kini telah mendapat tempat di seluruh penduduk dunia.

Di Malaysia, pengguna media sosial ialah sebanyak 25.08 juta. Angka ini menunjukkan jumlah pengguna media sosial di Malaysia telah mencecah sehingga 79 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi penduduknya. Statistik tersebut membuktikan bahawa saluran komunikasi melalui media sosial menjadi pilihan penduduk di Malaysia sebagai platform untuk saling menyampaikan maklumat, berkongsi idea dan meluahkan perasaan. Bagi mencapai tujuan komunikasi tersebut, pelbagai ragam bahasa diaplikasikan tanpa mereka sedar. Berdasarkan tinjauan dalam laman sosial Instagram berkaitan suatu isu yang sohor kini, pelbagai ragam bahasa dapat dikenal pasti.

Ragam bahasa sudah diteliti oleh ramai ahli linguistik terdahulu sama ada oleh pengkaji tempatan atau di luar negara. Justeru itu, terdapat pelbagai pendapat dan pandangan tentang konsep ragam bahasa. Menurut Halliday (1968:8), ragam bahasa wujud disebabkan pengguna dan penggunaannya. Ragam bahasa berdasarkan pengguna ialah dialek yang dituturkan mengikut daerah manakala ragam bahasa berdasarkan penggunaan pula ialah laras bahasa atau dialek sosial yang dituturkan berdasarkan faktor-faktor sosial. Quirk (1972:16) pula menyatakan bahawa faktor keturunan, taraf pendidikan, topik, cara penyampaian dan sikap akan mempengaruhi ragam bahasa seseorang atau sesuatu komuniti bahasa. Menurut Fishman (1991:14), ragam bahasa mempunyai perbendaharaan kata, sebutan dan struktur frasa yang tidak selalu digunakan ataupun tidak diketahui oleh masyarakat yang lebih besar.

Finegan (2004:363) berpendapat ragam bahasa terdiri daripada dialek dan laras bahasa. Dialek ialah ragam bahasa yang dicirikan oleh tempat tinggal penutur manakala laras bahasa pula dicirikan oleh situasi penggunaan sesuatu bahasa. Ragam bahasa yang digunakan ditandai oleh perbezaan pemilihan perkataan (leksikal), bunyi (fonologi), ayat (sintaksis) dan makna (semantik). Rumusannya, ragam bahasa dapat didefinisikan sebagai kelainan bahasa yang wujud berdasarkan penggunaannya, iaitu ragam sosial dan kawasan yang mempunyai ciri tertentu seperti campur kod, alih kod, penyingkatan dan dialek.

Menurut pandangan linguistik Melayu, Amat Juhari (2000:2) menyatakan bahawa ragam bahasa wujud berdasarkan keadaan, suasana, latar dan bidang. Perbezaan yang wujud itu melahirkan laras dan gaya bahasa yang berbeza seperti laras bahasa ilmu, bahasa korporat, bahasa basahan, bahasa santai dan sebagainya. Ragam bahasa juga boleh terdiri daripada ragam bahasa tingkat tinggi, rasmi, formal, halus atau rendah, tidak rasmi, tidak formal, dan kasar atau diglosia. Ragam bahasa yang tinggi dan formal itu terdiri daripada bahasa baku manakala ragam bahasa yang rendah, tidak formal dan kasar dikenali sebagai bahasa basahan.

Menurut Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* (2002:211), ragam bahasa ialah beberapa jenis bahasa yang khas, yang digunakan dalam karangan (tulisan) atau percakapan (lisan) bagi menguatkan tujuan kata dan mengukuhkan kefahaman pendengar dan pembaca. Za'ba telah mengkategorikan 15 jenis ragam bahasa, iaitu bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa terbalik, bahasa merajuk, bahasa tempelak, bahasa herdik, bahasa melampau, bahasa naik, pertanyaan ingkar, bahasa seruan atau mengeluh, bahasa berulang, bahasa bertimbal, bahasa bukan dan bahasa jenaka.

Penggunaan ragam bahasa yang sesuai perlu digunakan dalam keadaan atau situasi yang tepat agar pendengar memahami apa yang ingin disampaikan. Selain itu, penggunaan ragam bahasa yang bersesuaian juga berupaya untuk mengelakkan berlakunya konflik, di samping untuk menjaga air muka pendengar. Hal ini demikian kerana, individu yang berinteraksi dengan

bahasa yang halus dan sopan dikatakan mempunyai budi bahasa yang tinggi, sedangkan individu yang melafazkan kata-kata kasar dan kurang sopan dikatakan sebagai biadab, malah boleh dianggap sebagai 'kurang ajar' (Asmah, 1992:61).

Asmah (1987) menjelaskan ragam bahasa mengandungi ciri-ciri khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang penggunaannya. Seseorang penutur perlu peka ketika berkomunikasi terutama dalam komunikasi interpersonal supaya dapat menjaga 'air muka' pihak lain dan tidak dijatuhkan oleh pihak penutur. Konsep ini sejajar dengan takrif kesantunan berbahasa yang dinyatakan oleh Asmah, iaitu berbahasa dapat membentuk satu interaksi yang baik kerana dapat mengelak daripada tercetusnya perkara-perkara yang negatif seperti salah faham, kemarahan atau tersinggung.

Kesantunan berbahasa merupakan satu nilai yang signifikan dalam berkomunikasi dan tingkah laku. Ketidaksantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang kasar dan kesat ketika berkomunikasi. Menurut Locher and Bousfield (2008), ketidaksantunan berbahasa adalah tingkah laku yang menyerang muka dalam konteks tertentu yang mana mampu menjatuhkan air muka orang lain dan seterusnya melanggar peraturan sosial dalam sesebuah masyarakat. Hal ini menjelaskan bahawa ketidaksantunan berbahasa adalah perilaku yang melanggar adat, tidak senonoh dan dilarang penggunaannya sama ada dalam kalangan golongan yang berpendidikan atau tidak.


Media sosial pada hari ini tidak dinafikan memiliki pelbagai manfaat. Antaranya adalah memungkinkan komunikasi yang lebih mudah dan cepat tanpa mengira masa dan tempat. Selain itu, media sosial juga mampu mewujudkan hubungan interaksi lebih daripada dua orang dalam suatu masa, menyediakan kemudahan kepada pengguna untuk mengemas kini status, menghantar pesanan, memuat naik video, gambar dan lain-lain lagi (Maslida & Karim, 2015). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan teknologi maklumat banyak memberi manfaat kepada penggunanya.

Pada masa yang sama, media sosial menyediakan ruang dan peluang kepada masyarakat untuk bebas memuat naik sebarang pendapat mengenai sesuatu perkara. Pengguna boleh mencipta akaun sendiri dan menggunakannya untuk memuat naik perkara yang disukai. Pengguna juga dapat mencari kenalan lama dan baharu serta memulakan komunikasi tanpa sebarang sekatan. Walaupun kaedah komunikasi antara manusia mengalami revolusi daripada secara bersemuka kepada secara maya, namun bahasa tetap menjadi perantara utama dalam komunikasi tersebut. Antara media sosial yang paling mendapat tempat dalam kalangan pengguna di Malaysia ialah Twitter, Facebook, Youtube dan Instagram.

Instagram merupakan satu media baharu yang diasaskan oleh Kevin Systrom serta Mike Krieger dan seterusnya dilancarkan pada 6 Oktober 2010 (Christine Lagorio, 2011). Laman sosial ini mempunyai antara pengikut yang teramai di dunia, iaitu sebanyak 800 juta pengguna. Di Malaysia, aplikasi ini merupakan antara aplikasi yang kerap diakses pemilik akaunnya menerusi telefon pintar. Aplikasi ini memudahkan pengguna untuk berkongsi apa jua perkara seperti maklumat baharu, aktiviti-aktiviti menarik dan juga berkongsi perasaan serta pendapat menerusi kaedah memuat naik foto atau video pendek berserta *caption* menarik. Ciri yang ditawarkan Instagram ini menjadi tarikan kepada generasi muda untuk berkongsi perkara yang diinginkan.

Menurut Kelly Lux (2011), Instagram memegang rekod sebagai aplikasi yang paling cepat dimuat turun dalam tempoh 24 jam pelancaran, iaitu sebanyak 1 juta muat turun. Instagram ialah salah satu alat komunikasi yang memonopoli pengkongsian informasi melalui foto. Aplikasi ini juga memberi peluang kepada pengguna untuk mencari kenalan lama. Seiring dengan perkembangan teknologi hari ini, Instagram juga muncul dengan kemudahan-kemudahan yang lebih canggih seperti membuat siaran langsung, memuat naik aktiviti harian,

video rakaman dan sebagainya. Rajah 1 berikut merupakan data pengguna media sosial Instagram di Malaysia menurut laman sesawang “We Are Social” (2019).



**Rajah 1.** Jumlah Pengguna Media Sosial *Instagram* di Malaysia yang Direkod pada Januari 2019.


Berdasarkan data yang ditunjukkan oleh laman sesawang “We Are Social” (2019), 49 peratus daripada penduduk Malaysia iaitu sebanyak 12 juta penduduk merupakan pengguna Instagram. Berdasarkan jumlah tersebut, angka yang ditunjukkan merupakan angka yang tinggi dan menjadi bukti kepada penerimaan rakyat Malaysia akan perkembangan teknologi maklumat hari ini. Menurut Ili Hadri Khalil (2018), Malaysia menduduki tangga ke sembilan paling aktif media sosial dalam senarai semua negara di dunia yang memanfaatkan aplikasi media sosial ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, Malaysia tidak terkecuali memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat ini dalam kehidupan seharian. Malah, tidak dapat dinafikan juga media sosial kini memberi pengaruh kepada majoriti masyarakat Malaysia dalam menghakimi sesebuah pandangan, gaya hidup serta budaya bagi sesebuah bangsa (Sohana, 2016).

Menghakimi dan mengadili individu lain di media sosial merupakan antara impak daripada Revolusi Industri 4.0 apabila masyarakat khususnya pengguna media sosial sewenang-wenangnya melontarkan pandangan, pendapat bahkan kecaman kepada individu yang dimaksudkan. Aini Qotrunnada (2018) menjelaskan bahawa sesebuah akaun seseorang selebriti lebih mudah mendapat kritikan atau kecaman jika memuat naik sesuatu foto yang menimbulkan kontroversi seperti yang dilakukan oleh salah seorang *celebram* (selebriti Instagram) atau di Malaysia lebih dikenali sebagai *Instafamous*, iaitu Anya Geraldine. Anya Geraldine sering memuat naik kisah peribadinya bersama teman lelaki secara terbuka dengan aksi yang tidak santun sehingga menyebabkan pengguna media sosial lain melemparkan pelbagai komen dan pandangan sehinggakan menjadikan Anya antara selebriti Indonesia yang sohor kini. Komen-komen yang diberikan menunjukkan kepelbagaian dari aspek penggunaan ragam bahasa. Justeru itu, kajian ini juga turut memfokus kepada penggunaan ragam bahasa di media sosial berkaitan isu yang sohor kini.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian dibuat dengan meneliti suapan berita atau isu yang menjadi ikutan ramai menerusi laman sesawang Trends24, iaitu laman sesawang yang dirujuk oleh para wartawan, pemblog atau pembekal berita dan isu-isu semasa yang sohor kini di media sosial. Laman Trends24 akan sentiasa mengemas kini berita atau isu menerusi kaedah #tandapagar melalui paparan statistik dalam tempoh 24 jam. Sesuatu isu akan menjadi sohor kini dengan meletakkan simbol “#”

(tanda pagar) pada ruangan komen dan akan dikesan serta direkod oleh laman sesawang Trends24. Antara isu atau topik yang mendapat statistik tertinggi pada 16 Mei 2019 ialah isu berkaitan kisah seorang selebriti yang dikenali sebagai Aliff Aziz. Rajah 2 berikut menunjukkan statistik yang dilaporkan menerusi Trends24.



Rajah 2. Isu yang sohor kini menerusi laporan Trends24 pada 16 Mei 2019.

Berdasarkan laporan Trends24 tersebut, isu Aliff Aziz dianggap “most happening trends” kerana menjadi bualan warga maya khususnya pengguna media sosial seperti Instagram dan Twitter apabila dalam tempoh 24 jam, tanda pagar #AliffAziz menjadi antara senarai 10 tanda pagar teratas yang dibincangkan di media sosial seperti dalam Rajah 3 dan 4.



Rajah 3. Laporan statistik Trends24 tentang #AliffAziz dalam tempoh 12 jam.

13 hours ago	14 hours ago	15 hours ago	16 hours ago	17 hours ago	18 hours ago
1 #BTSonGMA 1466K tweets	1 #BTSonGMA 925K tweets	1 #AHYEAH_WINNER 144K tweets	1 #AHYEAH_WINNER 123K tweets	1 #AHYEAH_WINNER 93K tweets	1 #ahyeah_winner 35K tweets
2 #AHYEAH_WINNER 200K tweets	2 #AHYEAH_WINNER 173K tweets	2 #BTSonGMA 514K tweets	2 D and L	2 D and L	2 #eidmypiizza
3 Black Mirror 44K tweets	3 D and L	3 D and L	3 Ah Yeah 50K tweets	3 #EIDMYPizza	3 D and L
4 D and L	4 Black Mirror 33K tweets	4 Ah Yeah 56K tweets	4 #EIDMYPizza	4 Ah Yeah 40K tweets	4 #NCT127onCorden 226K tweets
5 Happy Ending 63K tweets	5 ah yeah 66K tweets	5 #EIDMYPizza	5 Aliff Aziz 115K tweets	5 Aliff Aziz 112K tweets	5 Aliff Aziz 123K tweets
6 Ah Yeah 72K tweets	6 #EIDMYPizza	6 Aliff Aziz 105K tweets	6 OnePlus 7 Pro 29K tweets	6 OnePlus 7 Pro 29K tweets	6 Bella 158K tweets
7 Aliff Aziz 86K tweets	7 Aliff Aziz 94K tweets	7 OnePlus 7 Pro 30K tweets	7 Sign the Petition 25K tweets	7 Bella 146K tweets	7 Dany 142K tweets
8 #EIDMYPizza	8 OnePlus 7 Pro 30K tweets	8 Sign the Petition 25K tweets	8 #MentalAgeTest	8 #MentalAgeTest	8 OnePlus 7 Pro 28K tweets
9 #WINNER 172K tweets	9 UTM Facilities	9 #MentalAgeTest	9 Bella 149K tweets	9 UTM Facilities	9 Cersel 253K tweets
10 UTM Facilities	10 Sign the Petition 24K tweets	10 UTM Facilities	10 UTM Facilities	10 Sign the Petition 25K tweets	10 #MentalAgeTest

19 hours ago	20 hours ago	21 hours ago
1 #EIDMYPizza	1 #EIDMYPizza	1 SOPE 64K tweets
2 D and L	2 #NCT127onCorden 155K tweets	2 George Clooney
3 #NCT127onCorden 198K tweets	3 d and l	3 Aliff Aziz 168K tweets
4 Aliff Aziz 142K tweets	4 SOPE 67K tweets	4 #GameofThrones 1031K tweets
5 #GameOfThrones 974K tweets	5 George Clooney	5 cersel 273K tweets
6 Bella 161K tweets	6 Aliff Aziz 152K tweets	6 Dany 159K tweets
7 OnePlus 7 Pro 27K tweets	7 #GameofThrones 1001K tweets	7 Bella 162K tweets
8 Cersel 160K tweets	8 Bella 162K tweets	8 #MentalAgeTest
9 Dany 149K tweets	9 Dany 153K tweets	9 OnePlus 7 Pro 26K tweets
10 #MentalAgeTest	10 #mentalagetest	10 #OnePlus7Pro 27K tweets

Rajah 4. Laporan statistik Trends24 tentang #AliffAziz dalam tempoh 21 jam.

Berdasarkan paparan statistik dalam Rajah 3 dan 4 tersebut, isu #AliffAziz merupakan topik yang menjadi ikutan ramai pengguna media sosial. Walaupun tidak tersenarai di tempat 1 atau 2, namun isu #AliffAziz dianggap sohor kini kerana dalam tempoh 24 jam tidak terkeluar daripada senarai 10 topik teratas yang hangat dibincangkan di media sosial. Justeru, bertepatan dengan konsep isu yang sohor kini iaitu isu yang tular dalam tempoh yang singkat, maka topik #AliffAziz merupakan isu yang sohor kini pada tarikh tersebut. Fokus kajian adalah kepada penggunaan bahasa ragam media sosial Instagram yang membincangkan topik berkaitan #AliffAziz.

Kajian bersifat kualitatif ini dilakukan secara deskriptif menerusi pendekatan analisis kandungan terhadap komen-komen pengguna media sosial di ruangan Instagram yang dikenal pasti. Sebanyak 1069 komen di Instagram yang dimuat turun secara rawak menerusi carian di Instagram yang meletakkan #AliffAziz dalam ruangan komen netizen. Daripada 1069 komen tersebut, sebanyak 154 (14.5%) data dikenal pasti setelah disisihkan gambar dan emotikon yang tidak berkaitan. Data kajian tersebut diteliti menerusi aspek leksikal, frasa atau ayat yang mengandungi kepelbagaian bahasa selaras dengan konsep ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba (2002). Kecenderungan netizen menggunakan ragam bahasa jelas menunjukkan ketidaksantunan berbahasa dalam memberi komen dianalisis dengan terperinci.

Analisis ragam bahasa dilakukan berdasarkan konteks penggunaan bahasa sama ada menerusi leksikal, frasa atau ayat yang menepati konsep ragam bahasa yang dikemukakan oleh Za'ba (2002). Komen-komen pengguna media sosial terhadap isu #AliffAziz dikelompokkan mengikut ragam bahasa yang dikenal pasti iaitu bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa tempelak, bahasa herdik, pertanyaan ingkar, dan bahasa berulang.

## RAGAM BAHASA MEDIA SOSIAL DALAM ISU SOHOR KINI

Berdasarkan penelitian yang telah dibuat, ternyata netizen dalam laman sosial sohor kini yang memperkatakan tentang isu pasangan kepada selebriti Aliff Aziz cenderung menggunakan pelbagai ragam bahasa. Namun, variasi bahasa yang dipilih mempamerkan sikap netizen yang cenderung menggunakan bahasa yang bersifat negatif. Antara ragam bahasa yang jelas ketara digunakan ialah bahasa sindiran, bahasa menggiat, bahasa mengejek, bahasa tempelak, bahasa herdik, pertanyaan ingkar, dan bahasa berulang.

### Bahasa Sindiran

Ragam bahasa sindiran berdasarkan kerangka konsep Za'ba ialah perkataan yang ditujukan maksudnya kepada seseorang dengan tidak disebutkan secara tepat, tetapi dikiaskan atau diibaratkan dengan perkara lain. Namun begitu, orang yang disindir kebiasaannya akan faham maksud yang ditujukan kepadanya secara tidak langsung. Tujuan sindiran digunakan adalah untuk menjaga air muka orang yang ditujukan. Selain itu, sindiran juga digunakan bagi memberi kesedaran tentang sesuatu perkara yang dianggap bertentangan dengan norma kehidupan. Berikut ialah contoh ragam sindiran yang terdapat dalam laman sosial Instagram yang dikaji.

**Jadual 1** Data bahasa sindiran dalam isu sohor kini

<b>Bil.</b>	<b>Data Bahasa Sindiran</b>
1	Kalau bulan puasa ni nak ckp benda yang tak baik <sup>2</sup> , <b>baik korang makan je senang.</b>
2	Mulut netizen sekarang. Sedar tak sedar <b>anda sedang tambah dosa.</b>
3	Demi Allah!!! Demi Allah!!! Demi Allah!!! Allahu, <b>pakaian mcm yahudi</b> , memalukan.

Pernyataan dalam ayat tersebut jelas mempamerkan ungkapan sindiran yang ditujukan kepada netizen dalam konteks perbualan ini. Ungkapan 'baik korang makan je senang' tercetus oleh komen netizen terhadap pandangan orang lain yang mencemuh dan mengata tentang keburukan pasangan seorang selebriti tanah air. Perlakuan mengumpat dan mencela sesama saudara seagama merupakan perbuatan yang terkutuk. Tambahan pula, sempena bulan Ramadan, iaitu bulan yang sangat mulia perlakuan ini masih diamalkan. Tidak ada gunanya berpuasa dengan menahan diri daripada lapar dan dahaga, tetapi tidak dapat menjaga mulut dan menahan hati daripada berkata tentang keburukan seseorang.

Pendapat ini turut disokong oleh netizen lain dengan memberi sindiran secara tidak langsung kepada mereka yang turut sama mencemuh pasangan selebriti ini. Ungkapan melalui ayat 'anda sedang tambah dosa' menyindir golongan yang berterus-terusan mengata tentang keburukan pasangan selebriti ini.

Begitu juga dengan ungkapan 'pakaian macam yahudi' ialah berupa sindiran kepada pasangan selebriti ini yang menggunakan nama 'Demi Allah', tetapi dari segi paparan fizikalnya langsung tidak mencerminkan diri sebagai wanita muslimah. Netizen menyindir perlakuan pasangan kepada selebriti tersebut yang hanya tahu menggunakan kalimah Allah, tetapi tidak tahu menjaga aurat dengan berpakaian seperti orang Yahudi.

### Bahasa Mengejek

Bahasa mengejek ditakrifkan sebagai bahasa yang mengata akan seseorang atau sesuatu kumpulan dengan perkataan yang tepat tetapi dengan gaya yang mengajukkan keburukan serta mempermain-mainkan seseorang supaya nampak bodoh dan sia-sianya. Selain itu juga, ejekan ini bertujuan untuk ditertawakan oleh orang lain yang mana boleh membangkitkan marah dan sakit hati orang yang diperkatakan itu. Dengan bahasa yang lebih mudah, bahasa mengejek



bersifat menonjolkan keburukan seseorang dengan tujuan mempersendakan kelemahannya. Ragam bahasa ini juga berkait rapat dengan bahasa sindiran, menggiat, dan bahasa terbalik.

Berdasarkan paparan contoh yang berikut, ungkapan 'suara macam kambing gurun' mengejek pasangan kepada selebriti ini yang memuat naik video pengakuannya bersama dengan pasangannya. Dia memohon supaya netizen tidak lagi mencemuhnya dengan cerita-cerita yang tidak benar kerana baginya segala cerita yang tidak benar itu lahir daripada mereka yang mempunyai 'otak tak empuk'.

Justeru, netizen turut mengecamnya kembali dengan ejekan 'macam otak hang empuk sangat'. Ejekan ini seolah-olah mengingatkan pasangan kepada selebriti ini supaya menyedari dirinya juga bertindak kurang waras, iaitu menjalinkan hubungan dengan suami orang dan memuat naik gambarnya bagi tujuan mencari publisiti.

**Jadual 2** Data bahasa mengejek dalam isu sohor kini

Bil.	Data Bahasa Mengejek
1	Cis, <b>suara mcm kambing gurun...</b> sembang <b>mcm otak hang empuk sngat</b> , mak hang qebus otak hang lama sngat kot smpai telebih empuk.
2	Ni la contoh anak Melayu Islam yang dah hanyut di kota raya Kuala Lumpur. Tengok insta budak KL ni dah x mcm orang Melayu. <b>Pakaian dah lebih omputih.</b>
3	Oh Islam rupanya... <b>ingtkan kapir bertatu bagai...</b> mmg elok la ko bunuh diri. Ajak Alif tu sekali mati bersama.

Netizen turut mengejek paparan gambar pasangan kepada selebriti ini yang berpakaian menjolok mata dan mendedahkan aurat. Ungkapan 'pakaian dah lebih omputih' menjelaskan perlakuan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seseorang yang mengaku dirinya muslim, tetapi memilih cara hidup kebaratan, khususnya dari segi berpakaian.

Bahasa mengejek juga jelas kelihatan melalui ungkapan 'ingatkan kapir bertatu bagai'. Ungkapan ini tercetus oleh seorang netizen yang meragui status agama pasangan kepada selebriti ini. Secara zahirnya, dia kelihatan seperti orang bukan Islam kerana dengan cara berpakaian yang tidak menutup aurat dan bertindik di lidah, apatah lagi memiliki tatu di bahagian badannya. Namun, dalam masa yang sama, pasangan kepada selebriti ini juga selalu menggunakan kalimah seperti 'demi Allah', 'Ya Allah' dan 'alhamdulillah'. Perlakuan ini boleh mendatangkan keraguan disebabkan dia tidak dikenali umum sebelum ini.

### Bahasa Herdik

Seterusnya, ragam bahasa herdik pula merupakan perkataan atau ujaran yang seakan-akan bahasa tempelak, tetapi tujuannya menunjukkan kesalahan pada masa sekarang, bukannya pada masa yang telah lalu. Bahasa herdik mengandungi perkataan kasar dan keras dengan nada tengkingan serta mengandungi perasaan mengejek. Ungkapan atau perkataan yang kasar ini jelas dapat diperhatikan melalui contoh-contoh dalam media sosial Instagram yang Jadual 3 berikut.

**Jadual 3** Data bahasa herdik dalam isu sohor kini

Bil.	Data Bahasa Herdik
1	Kau apa ni <b>bahlul</b> , kau tau apa <b>sial</b> . Jadi yg seblum ni apa Alif buat <b>jahanam</b> kau. Kau tu urus diri kau skit ikut <sup>2</sup> nak viral <b>muka pecah rumah apa pukimak</b> la kau.
2	Kau fikir stress kau? hbis yg kau kata kau "hanya bergambar" dgn laki org tu dgn kain masing <sup>2</sup> xckup kau rasa bini dia happy ke <b>bodoh? bebal</b> punye budak x matang... elok pon kau mati... <b>mati cepat<sup>2</sup> sikit bebal!!!</b>
3	Penuh dengan drama <b>betina</b> ni, nk sebut pasal Allah tgg dulu baju sebelum sebut nama Allah. Ingatkan tadi bukan Islam hehehe <b>betina murahan</b>

Perkataan 'bahlul', 'sial', 'jahanam', 'muka pecah rumah', 'pukimak', 'bodoh', 'bebal', 'mati cepat-cepat sikit bebal', 'betina', dan 'betina murahan' merupakan ungkapan yang sangat kasar, kesat, dan mengandungi unsur tabu. Perkataan ini jelas menunjukkan sifat dan keperibadian seseorang yang sangat tidak santun dan tidak menjaga adab semasa berkata-kata. Masyarakat tidak mengira kaum, bangsa atau agama sekalipun melarang kita daripada menggunakan bahasa-bahasa yang kasar dan kesat seperti ini. Apatah lagi kita sebagai masyarakat timur yang sangat dititikberatkan dengan ajaran dan nilai-nilai murni.

Dalam konteks masyarakat Islam, kesantunan bahasa amat diperlukan dalam diri seseorang kerana aspek ini membentuk keperibadian diri serta membentuk keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Hal ini dibuktikan dengan kitab suci al-Quran yang tidak pernah mengabaikan bidang bahasa dalam mengutarakan prinsip-prinsip kesantunan berbahasa. Prinsip kesantunan berbahasa yang dijelaskan dalam al-Quran amat bertepatan dan relevan dalam pelbagai konteks. Oleh itu, penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab dan sebagainya akan memancarkan keperibadian mulia seseorang itu kepada orang yang berkomunikasi dengannya.

Al-Quran juga mengemukakan prinsip dengan melarang mengeluarkan perkataan yang buruk, iaitu perkataan yang jahat dan tidak baik seperti menghina, mencarut, mengeluarkan kata-kata kesat dan sebagainya. Antara sifat yang dilarang dalam hubungan sosial ialah menyeranah orang lain tanpa usul periksa, tidak dibenarkan menggunakan bahasa kesat atau kotor, tidak dibenarkan mencemuh atau menghina orang lain dalam percakapannya. Penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memberi nasihat, serta teguran yang dikemukakan perlulah baik dan meninggalkan kesan seperti yang diharapkan serta tidak menimbulkan kemarahan, kebencian dan permusuhan manusia keseluruhan. Pernyataan ini sejajar dengan terjemahan maksud dalam surah yang berikut:

*"Allah tidak menyukai perkataan buruk (yang diucapkan) secara terus terang kecuali oleh orang yang ditalimi. Dan Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui."*

(Surah An-Nisa: 148)

## Bahasa Menggiat

Ragam bahasa menggiat ialah perkataan atau ungkapan yang tidak tepat, seakan-akan bahasa sindiran tetapi tidak mengandungi unsur kiasan. Ujarannya bertujuan hanya sekadar mengusik dan bersenda-senda sahaja. Namun, dalam keadaan tertentu usikan tersebut bersungguh-sungguh sehingga boleh menerbitkan perasaan malu kepada orang yang ditujukan tersebut. Ragam bahasa jenis ini juga secara tidak langsung menjadi pilihan netizen. Berikut merupakan paparan contoh bahasa menggiat yang ditemui dalam media sosial Instagram.

**Jadual 4** Data bahasa menggiat dalam isu sohor kini

Bil.	Data Bahasa Menggiat
1	Dah pandai amik laki orang eh, <b>ferfek sangat lah tu.</b>
2	Apasal ko mcm budak yg <b>lidah tk cukup panjang</b> eh. Haha ada hati nk ferfek.
3	Hahaha <b>ckp pakai otak jgn pakai lutut.</b>

Ungkapan 'ferfek sangat lah tu' teretus hasil daripada status yang telah dimuat naik oleh pasangan kepada selebriti tanah air tentang pengakuan ceritanya. Perkataan 'ferfek' ialah terjemahan secara langsung daripada perkataan 'perfect'. Namun, apabila perkataan ini diubah suai mengikut cara sebutannya telah menjadi satu bahan usikan dalam kalangan netizen. Pernyataan 'Dah pandai amik laki orang eh, **ferfek sangat lah tu**' seolah-olah mengusik dengan nada sindiran tentang perlakuan pasangan kepada selebriti ini yang mempunyai hubungan dengan suami orang.

Usikan ini juga telah mendapat perhatian dalam kalangan netizen yang lain melalui ungkapan 'lidah tk cukup panjang'. Ujaran perkataan 'ferfek' telah menjadi satu bahan gurauan sehingga turut mendorong netizen yang lain mempersenda-sendakan perkataan tersebut.

Renteten daripada itu, usikan ini ternyata berlarutan sehingga pasangan kepada selebriti ini dikecam dengan nada gurauan yang mengandungi unsur sindiran daripada ungkapan 'cakap pakai otak jangan pakai lutut'.

### Pertanyaan Ingkar

Za'ba mentakrifkan ragam bahasa pertanyaan ingkar sebagai pembahasan yang disusun dengan cara pertanyaan, tetapi bukannya pertanyaan yang jawapannya tidak diketahui, sebaliknya pertanyaan seolah-olah mengejek kerana hendak menguatkan benarnya jawab yang sudah diketahui atau yang disifatkan sudah tentu. Pertanyaan ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

- i) Pertanyaan ingkar yang tidak memerlukan jawapan kerana sudah termaklum oleh penutur/penulis atau pendengar/pembaca
- ii) Pertanyaan ingkar yang dijawab sendiri oleh orang yang bertanya

Berikut merupakan contoh ragam bahasa pertanyaan ingkar yang ditemui dalam laman sosial Instagram yang dikaji.

**Jadual 5** Data pertanyaan ingkar dalam isu sohor kini

Bil.	Data Pertanyaan Ingkar
1	Sebab tu lah kbnykan org tak hormat dgn agama Islam... <b>Sebab apa?</b> Sebab perangai kau yg tak mlambangkn Islam. Go to Israel lh dik hoi.
2	<b>Kalau kamu Islam, kenapa bertatu?</b> Dari situ, dah nampak kamu memang dah jauh terpesong.
3	<b>Bila dh kanto time tu lah kau stress baru nk ingt Allah ke? Sebelum kau buat ada kau fikir perasaan isteri dia? Kau selfie then siap buat live lagi konon kau bangga kau selfie ngn aliff aziz motif kau apa sebenarnya?</b>

Jenis pertanyaan ingkar yang pertama dapat diperhatikan melalui contoh 'Kalau kamu Islam, kenapa bertatu?' dan 'Bila dh kanto time tu lah kau stress baru nk ingt Allah ke? Sebelum kau buat ada kau fikir perasaan isteri dia? Kau selfie then siap buat live lagi konon kau bangga kau selfie ngn aliff aziz motif kau apa sebenarnya?'. Ternyata pertanyaan jenis ini sengaja diajukan dengan tujuan mengejek akan perlakuan orang yang dimaksudkan. Pertanyaan jenis ini juga sebenarnya sudah diketahui jawapannya, baik daripada pihak yang bertanyakan soalan, mahupun kepada orang yang diajukan soalan tersebut.

Sementara itu, jenis pertanyaan ingkar yang kedua pula dapat diperhatikan melalui contoh ungkapan 'Sebab tu lah kbnykan org tak hormat dgn agama Islam... Sebab apa? Sebab perangai kau yg tak mlambangkn Islam'. Pertanyaan ini juga seolah-olah mengejek orang yang dimaksudkan kerana orang yang bertanya sebenarnya sudah mengetahui jawapannya.

### Bahasa Tempelak

Ragam bahasa tempelak juga turut terdapat dalam data yang dikaji. Bahasa tempelak ialah perkataan atau ujaran yang menunjukkan kesalahan yang telah dilakukan sebelumnya. Tujuan ujaran ini adalah supaya orang yang pernah melakukan kesalahan pada suatu masa dahulu menyedari akan kesalahan tersebut dan menjadikannya sebagai satu peringatan dan pengajaran. Berikut merupakan antara contoh yang terdapat dalam data kajian.

**Jadual 6** Data bahasa tempelak dalam isu sohor kini

<b>Bil.</b>	<b>Data Bahasa Tempelak</b>
1	Tapi mslhnya dia lama dh bukak aib sndri. <b>Nk buat mcm mna dia kene trima la org bkk aib dia.</b> Skrg ni dia pun bukak aib org juga.
2	Kalau dh mental tk kuat, lain kali jgn buat bende yg blh kacau mental org lain. <b>Ha kan mendapat kau.</b>
3	<b>Nasi dah jadi bubur...</b> <a href="#">@nismelll</a> kena kuat hadapi kata-kata orang.

Ungkapan dalam ayat 'Nk buat mcm mna dia kene trima la org bkk aib dia', 'Ha kan mendapat kau', dan 'Nasi dah jadi bubur' merupakan contoh bahasa tempelak yang terdapat dalam data kajian ini. Dapat diperhatikan ungkapan-ungkapan tersebut bersesuaian dengan peribahasa seperti memulangkan paku buah keras, iaitu membangkitkan kembali perkara yang sudah lepas.

### **Bahasa Berulang**

Bahasa berulang melibatkan pengulangan sesuatu perkataan atau ayat dengan tujuan hendak menguatkan maksudnya. Hasil daripada analisis, terdapat beberapa kaedah penggunaan ragam bahasa berulang dalam data yang dikaji. Antaranya ialah pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian awal ujaran dan akhir ujaran; pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian awal dan pertengahan ujaran dan pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian pertengahan ujaran. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh-contoh yang Jadual 7 berikut.

**Jadual 7** Data bahasa berulang dalam isu sohor kini

<b>Bil.</b>	<b>Data Bahasa Berulang</b>
1	Ada masa lagi nak bertaubat sebelum kau rasa nak <b>bunuh diri.</b> <b>Bunuh diri</b> dah berdosa besar tambah lagi dengan dosa-dosa lain yang kau buat.
2	Jgn <b>aib</b> kan org... lagi pun <b>aib</b> dia. Dia dah buka <b>aib</b> sndiri. <b>Aib</b> kita juga ada...tp Allah tutup <b>aib</b> kita.
3	Tak payah nak <b>demi Allah</b> bagai... tatu sana sini <b>demi Allah</b> , jgn bwt lawak la dik oiii kesian ngat aih.

Pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian awal ujaran dan akhir ujaran dapat diperhatikan melalui contoh 'Ada masa lagi nak bertaubat sebelum kau rasa nak **bunuh diri.** **Bunuh diri** dah berdosa besar tambah lagi dengan dosa-dosa lain yang kau buat'. Frasa 'bunuh diri' diulang pada bahagian akhir ayat yang pertama dan pada bahagian awal ayat yang kedua untuk menegaskan maksud ungkapan frasa ini.

Sementara itu, pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian awal dan pertengahan ujaran dapat dilihat dalam contoh 'Jgn **aib**kan org... lagi pun **aib** dia. Dia dah buka **aib** sndiri. **Aib** kita juga ada...tp Allah tutup **aib** kita'. Contoh yang terakhir pula melibatkan pengulangan sebahagian atau keseluruhan kata, frasa atau ayat pada bahagian pertengahan ujaran, iaitu "Tak payah nak **demi Allah** bagai... tatu sana sini **demi Allah**, jgn bwt lawak la dik oiii kesian ngat aih'.

Kajian mendapati netizen juga kerap menggunakan ragam bahasa berulang bagi menguatkan tujuan sesuatu pernyataan, di samping menegaskan sesuatu perkara. Hasil analisis mendapati bahawa penggunaan ragam bahasa berulang lebih bersifat untuk memberi penekanan pada maksud ujaran.

## KESIMPULAN

Kepelbagaian ragam bahasa jelas terpamer dalam komunikasi teknologi media massa, khususnya medan sosial Instagram. Penggunaan bahasa mewakili cara masyarakat penuturnya menzahirkan idea, mempamerkan sikap sama ada santun atau tidak santun, dan memberikan respons dalam proses berkongsi maklumat. Namun, ternyata netizen lebih cenderung memilih ungkapan bahasa yang tidak santun melalui penggunaan ragam sindiran, herdikan, ejekan, dan tempelak. Penggunaan ragam sedemikian secara tidak langsung menunjukkan sikap dan nilai dalam diri seseorang netizen. Malah, secara tidak langsung penggunaan bahasa ini melambangkan keperibadian seseorang penutur. Perkembangan teknologi dan media baharu memberi ruang kepada masyarakat mengemukakan pendapat dan pandangan secara terbuka, namun revolusi ini dilihat memberi impak yang besar dari aspek penggunaan bahasa di media sosial. Kajian ini memperlihatkan penggunaan kepelbagaian ragam bahasa yang tidak santun menjadi pilihan utama pengguna media sosial. Sifat keterbukaan menerusi ruang melontarkan pendapat, menjadi platform bagi pengguna media sosial mengadili dan menghakimi individu lain yang menjadi perhatian di ruang maya. Apatah lagi apabila, pengguna media sosial tersebut dapat merahsiakan latar belakang peribadinya daripada diketahui umum sewaktu mendaftar akaun media sosial yang dikehendaki. Impak sosial Revolusi Industri 4.0 ini memperlihatkan perubahan ketara dalam penggunaan bahasa masyarakat dan memberi kesan buruk terhadap imej dan keperibadian seorang individu.

*\*Kajian ini dilakukan dengan dana daripada geran Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu (FRGS/1/2018/SSI01/UITM/03/1) yang bertajuk Pemprofilan Model Ketidaksantunan Berbahasa Dalam Media Sosial Bagi Menerobos Jenayah Buli Siber.*

## RUJUKAN

- Aini Qotrunnada Firdausyi Yaqin. (2018). Language Variation Found on Anya Geraldine Instagram Caption. Tesis Sarjana. Universiti Muhammadiyah Malang.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim & Noor Aida Mahmor. (2016). Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair 2016 (ICOGPA2016)* ISBN 97898344661-7-6.
- Asmah Hj. Omar. (2007). Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ferguson, Charles. A. (1982). *Simplified Registers and Linguistic Theory. Exceptional Language and Linguistics*. Lorraine K. Obler dan Lise Menn (eds.). New York: Academic Press.
- Finegan, E. (2004). *Language: Its Structure and Use*. Massachusetts: Wadsworth.
- Fishman, Joshua A. (1991). *Sosiologi Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haliday, M.A.K. et.al. (1968). *The Users and Uses of Language: Linguistics Sciences and Language Teaching*. London: Longman.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Mohd Roslan Rosnon. (2016). Bahasa Juri dalam Program Mentor Legend: Satu Analisis Ragam Bahasa Za'ba. *ESTEEM Academic Journal*, Vol. 12, No. 2, December 2016, 1-14
- Quirk, R. S., Greenbaum G. Leech, & J. Svartvik. (1972). *A Grammar of Contemporary English*. London: Longman.
- Sohana Abdul Hamid. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. E-Bangi. *Journal of Human Science and Humanities*. Special Issue 1 (Oktober 2016) 214-226, ISSN: 1823-884x
- Trends24. Dicapai daripada <https://trends24.in/malaysia/> pada 16 Mei 2019.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu (Edisi Ejaan Rumi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2012). Penggunaan Strategi Ketidaksantunan dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Jurnal Linguistik*, Vol. 16, 62-74.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ahmad Fuad Mat Hassan & Mohd Nur Hafizudin Md Adama (2018). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. 14(2): 321-338. 5 Mei 2018